28. Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan

Diagnosis muktamad penyakit neuron motor oleh pakar neurologi dengan merujuk kepada atrofi otot tulang belakang, bulbar palsy progresif, sclerosis amiotrofik lateral atau sclerosis lateral utama. Mesti ada kekurangan neurologi kekal bersama dengan simptom klinikal berterusan.

29. Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian

Diagnosis muktamad Penyakit Parkinson oleh pakar neurologi di mana semua keadaan berikut dipenuhi:

- (i) Tidak boleh dikawal dengan ubat-ubatan;
- (ii) Menunjukkan tanda-tanda kemerosotan progresif; dan
- (iii) Pengesahan ketidakupayaan kekal Pihak Diinsuranskan untuk melakukan tiga (3) atau lebih daripada Aktiviti Kehidupan Harian tanpa bantuan.

Hanya penyakit Parkinson idiopatik sahaja yang dilindungi. Parkinson yang disebabkan oleh ubat-ubatan atau toksik adalah tidak dilindungi.

30. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk

Kemerosotan atau hilang keupayaan intelektual yang disahkan dengan penilaian klinikal dan ujian imej diakibatkan oleh Penyakit Alzheimer atau Dementia Teruk yang disebabkan oleh kecelaruan otak organik yang tidak boleh pulih. Kejadian yang dilindungi ini mesti mengakibatkan pengurangan ketara fungsi mental dan sosial yang memerlukan pengawasan berterusan ke atas Pihak Diinsuranskan. Diagnosis mesti disahkan secara klinikal oleh pakar neurologi.

Berdasarkan definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) Kecelaruan otak bukan organik seperti neurosis
- (ii) Penyakit psikiatrik
- (iii) Kerosakan otak berkaitan dadah atau alkohol.

31. Sindrom Apalik

Nekrosis menyeluruh korteks otak, dengan batang otak masih kekal. Diagnosis yang jelas mestilah disahkan oleh Pakar Neurologi. Diagnosis mestilah direkodkan secara perubatan selama sekurang-kurangnya satu (1) bulan.

32. Distrofi Otot

Diagnosis muktamad Distrofi Otot oleh pakar neurologi dan mesti disokong oleh kesemua berikut:

- (i) Penampilan klinikal kelemahan otot yang progresif
- (ii) Tiada penglibatan saraf tengah / periferal sebagai bukti untuk kehilangan gangguan sensor
- (iii) Hasil penemuan ciri-ciri elektromiogram dan biopsi otot.

Tiada manfaat akan dibayar di bawah Peristiwa Dilindungi sebelum Pihak Diinsuranskan mencapai umur 12 tahun tarikh lahir berikutnya.

33. Pembedahan Aorta

Menjalani pembedahan menerusi torakotomi atau laparotomi (pembedahan bukaan dada atau abdomen) untuk membetulkan aneurisme aorta, sekatan aorta atau pembelahan aorta. Untuk definisi ini, aorta hendaklah bermaksud aorta di bahagian dada dan abdomen tetapi bukan cabangnya.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) angioplasti;
- (ii) lain-lain kaedah intra-arteri atau teknik berasaskan kateter;
- (iii) prosedur lubang kunci yang lain;
- (iv) prosedur laser.

34. Sklerosis Multipel

Diagnosis muktamad sklerosis multipel oleh pakar neurologi. Diagnosis mestilah disokong oleh semua perkara berikut:

- Siasatan yang mengesahkan bahawa diagnosis adalah Sklerosis Multipel;
- Defisit neurologi berbilang yang menyebabkan kecacatan fungsi motor dan deria untuk tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan; dan
- Sejarah eksaserbasi dan peredaan bagi simptom-simptom yang disebut dan defisit neurologi yang didokumenkan dengan baik.

35. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterukan tertentu

Diagnosis muktamad hipertensi pulmonari primer dengan pembesaran ketara ventrikel kanan yang ditentukan menerusi penyiasatan termasuk kateter jantung, yang menyebabkan kecacatan fizikal kekal sehingga tahap sekurang-kurangnya klasifikasi Kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) bagi kerosakan jantung.

Hipertensi arteri pulmonari disebabkan oleh sebab-sebab lain adalah dikecualikan daripada manfaat ini. Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom-simptom.

Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom-simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

36. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk

Diagnosis muktamad Lupus Eritematosus Sistemik yang disahkan oleh pakar reumatologi.

Untuk definisi ini, kejadian yang dilindungi akan dibayar jika ia mengakibatkan Lupus Nefritis Jenis III hingga Jenis V, yang dibuktikan oleh biopsi ginjal. Bentuk lain seperti lupus diskoid, atau jenis lain dengan hematologi atau penglibatan sendi sahaja adalah tidak dilindungi.

Klasifikasi Lupus oleh WHO:-

Jenis III - Glomerulonefritis Segmen Fokus

Jenis IV - Glomerulonefritis Resap

Jenis V - Glomerulonefritis

MANFAAT

1. Manfaat Penyakit Kritikal

Syarikat akan membayar Jumlah Diinsuranskan seperti dinyatakan di dalam jadual polisi jika Pihak Diinsuranskan didiagnosis mengidap mana-mana Penyakit Kritikal yang dilindungi. Polisi ini akan dibatalkan bila jumlah diinsurans telah dibayar sepenuhnya.

2. Manfaat Kesetiaan

Syarikat akan menaikkan Jumlah Prinsipal Diinsuranskan yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi sebanyak 10% setiap tahun sehingga maksimum 50% daripada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan yang dengan syarat :

- a) Pembaharuan tersebut berterusan dan Polisi ini tidak dibenarkan luput pada mana-mana satu tahun dan
- b) Tiada tuntutan dibuat dibawah Polisi

3. Bayaran Tambahan 10%

Bayaran tambahan 10% daripada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan akan dibayar kepada Pihak Diinsuranskan jika Pihak Diinsuranskan telah didiagnosis dengan penyakit kritikal berikut:-

Untuk Lelaki – Kanser Kolon, Kanser Prostat, Kanser Hati, Kanser Buah Zakar, Kanser Nasal dan Kardiomiopati

Untuk Perempuan - Kanser Payudara, Kanser Ovari, Kanser Rahim, Kanser Tiub Falopio, Kanser Serviks dan Kardiomiopati..

PENGECUALIAN

Syarikat tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana Penyakit Kritikal secara langsung atau tidak langsung berpunca dari atau disebabkan oleh berikut: -

1. Sebarang penyakit / kurang upaya sedia-ada atau Keadaan Kongenital seperti yang ditakrifkan dalam bahagian Definisi polisi ini.
2. Sebarang keadaan berpunca daripada penggunaan, kewujudan atau pelepasan bahan senjata nuklear atau radiasi terion dari atau pencemaran radioaktif daripada bahanapi nuklear atau bahan buangan nuklear atau pembakaran bahan api nuklear.
3. Gila, mencederakan diri sendiri dengan sengaja, bunuh diri atau sebarang percubaan melakukannya sama ada semasa waras atau tidak waras.
4. Penyakit Kritikal didiagnosis semasa Tempoh Menunggu seperti ditakrifkan dalam bahagian Definisi polisi ini kecuali mengalami Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal yang timbul daripada kemalangan.
5. Penyakit / Ketidakupayaan berpunca daripada Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS), komplikasi berkaitan AIDS atau jangkitan oleh Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) kecuali keadaan atau penyakit atau jangkitan timbul daripada pemindahan darah.
6. Sebarang tindakan pengganas
Adalah dipersetujui bahawa, tanpa mengambilkira sebarang penyebab, Polisi ini tidak melindungi sebarang kerugian di dalam apa jua cara yang disebabkan atau berpunca daripada tindakan

pengganas yang melibatkan penggunaan atau ancaman sebarang senjata atau peralatan nuklear atau agen biologi. Untuk tujuan pengecualian ini, tindakan pengganas bermaksud tindakan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan keganasan dan/atau ancaman, oleh mana-mana individu atau berkumpulan, sama ada bertindak bersendirian atau bagi pihak atau berkaitan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, komited untuk tujuan politik, keagamaan atau ideologi atau tujuan seumpamanya termasuk dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk meletakkan masyarakat awam atau mana-mana bahagian masyarakat tertentu dalam ketakutan.

Ia juga tidak merangkumi kerugian, pampasan, kos atau perbelanjaan di dalam apa jua bentuk yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh, berpunca dari atau berkaitan dengan sebarang tindakan yang diambil untuk mengawal, mencegah, membanteras atau berkait di dalam apa jua cara dengan di atas.

Jika Syarikat mengatakan bahawa atas sebab pengecualian ini, sebarang kerugian, pampasan, kos atau perbelanjaan tidak dilindungi oleh polisi ini, maka Pihak Diinsuranskan bertanggungjawab untuk membuktikan ia adalah sebaliknya. Jika berlaku keadaan mana-mana bahagian daripada pengecualian ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuat kuasakan, semua bahagian lain masih kekal berkuat kuasa dan dilaksanakan.

7. Pencemaran nuklear atau kimia, peperangan, serangan, tindakan musuh asing (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, penglibatan langsung di dalam rusuhan, mogok atau kekecohan awam, kebangkitan pihak tentera atau kuasa lain, atau bertugas secara aktif di dalam mana-mana angkatan tentera.
8. Melahirkan anak, keguguran, kehamilan atau menggugurkan kandungan.
9. Intoksikasi alkohol (selain daripada yang dipreskripsikan oleh Pengamal Perubatan layak dan berdaftar). Sebagai tambahan kepada pengecualian di atas, Syarikat tidak akan membayar manfaat untuk sebarang tuntutan yang timbul daripada kecederaan tubuh badan akibat kemalangan oleh Pihak Diinsuranskan .
10. Ia adalah syarat mutlak dan syarat terdahulu kepada liabiliti Penginsurans, bahawa mana-mana Pihak Diinsuranskan yang dilindungi di bawah Polisi ini tidak, dalam apa jua cara, secara langsung atau tidak langsung terlibat di dalam pekerjaan/tanggungjawab yang di bawah;
 - 10.1 Anggota Tentera Udara, Polis, Pengawal Keselamatan, Tentera Laut, Tentera Darat/Militari dan pegawai penguatkuasaan undang-undang
 - 10.2 Penguji Pesawat, Juruterbang atau Krew Kapal Terbang
 - 10.3 Penyelam
 - 10.4 Pemandu Perlumbaan
 - 10.5 Joki
 - 10.6 Orang yang terlibat di dalam aktiviti sukan profesional

- 10.7 Orang yang terlibat di dalam perlombongan dan penerowongan bawah tanah
 - 10.8 Ahli Bomba
 - 10.9 Kelasi dan nelayan laut
 - 10.10 Wartawan Perang
 - 10.11 Pekerja pelantar minyak
 - 10.12 Orang yang terlibat dengan lumba kuda
 - 10.13 Pekerja dok
 - 10.14 Orang yang terlibat di dalam perobohan bangunan
 - 10.15 Orang yang terlibat di dalam perkhidmatan ambulans
 - 10.16 Pembalok, pekerja pembalakan, pemandu/kelindan lori balak dan mesin takal
 - 10.17 Jurumesin Kerja Kayu
 - 10.18 Pengendali bahan letupan
- Penginsurans berhak sepenuhnya untuk menolak perlindungan kepada mana-mana Pihak Diinsuranskan walaupun jika Pihak Diinsuranskan tidak terlibat di dalam mana-mana pekerjaan yang dinyatakan di atas
- 11. Semasa memburu, hoki ais, bermain polo, perlumbaan berhalangan, sukan musim sejuk, perahu layar, lompatan ski air, aktiviti bawah air yang melibatkan penggunaan peralatan pernafasan dalam air lengkap atau menggunakan jentera perkayuan dengan kuasa mekanikal, perlumbaan (selain perlumbaan kaki), penetapan kelajuan atau terlibat di dalam sebarang ujian kelajuan atau percubaan kebolehppercayaan dan luncur udara.
 - 12. Semasa dalam perjalanan menggunakan kapal terbang sebagai krew, melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang dalam kapal terbang yang dilesenkan untuk membawa penumpang. Untuk tujuan pengecualian ini, Diinsuranskan tidak akan dilindungi jika beliau terlibat di dalam operasi teknikal atau navigasi semasa berada di dalam kapal terbang.
 - 13. Semasa menyertai, berlatih atau mengambil bahagian di dalam sebarang sukan sebagai profesional.
 - 14. Semasa menyalahi atau cuba menyalahi undang-undang atau menentang penahanan yang sah di sisi undang-undang.
 - 15. Kecacatan/Kekurangan Fizikal sebelum tarikh kuat kuasa insurans.

SYARAT AM

1. Kenyataan Selaras Dengan Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013

Jika Pihak Diinsuranskan memohon insurans ini sepenuhnya untuk diri mereka/keluarga mereka/tanggungannya mereka, Pihak Diinsuranskan mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak melakukan salah nyata sewaktu menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan ini (atau apabila Pihak Diinsuranskan memohon untuk insurans ini), iaitu Pihak Diinsuranskan dikehendaki menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah di dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Pihak Diinsuranskan, keengganan atau

pengurangan tuntutan Pihak Diinsuranskan, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Pihak Diinsuranskan selaras dengan remedi yang dinyatakan dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Pihak Diinsuranskan juga dikehendaki mendedahkan apa-apa perkara lain yang Pihak Diinsuranskan tahu akan mempengaruhi keputusan Syarikat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Pihak Diinsuranskan juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Syarikat dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Pihak Diinsuranskan ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Syarikat, apa-apa maklumat yang dinyatakan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Pihak Diinsuranskan memohon untuk insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

2. Tarikh Kuat Kuasa

Polisi ini akan berkuat kuasa dan bermula pada jam 12:01 pagi Waktu Malaysia pada tarikh yang dinyatakan sebagai Tarikh Kuat Kuasa Insurans dalam Jadual Polisi ini.

3. Penamatan

3.1 Penamatan oleh Orang Diinsuranskan

Pihak Diinsuranskan boleh membatalkan polisi memberi notis empat belas (14) hari bekerja kepada Syarikat untuk menamatkan perlindungan Polisi ini. Penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis diterima oleh Syarikat, atau tarikh yang dinyatakan di dalam notis, yang mana lebih awal, dan dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat oleh Pihak Diinsuranskan pada tahun polisi semasa, Pihak Diinsuranskan layak mendapat pengembalian pro-rata premium yang dibayar seperti berikut:-

Tempoh Tidak Melebihi	Pengembalian Premium Tahunan
15 hari (berkuat kuasa untuk pembaharuan sahaja)	90%
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada pengembalian

3.2 Penamatan oleh Syarikat

Pada ulang tahun Polisi, Syarikat berhak untuk menyemak semula terma-terma Polisi dengan mengenakan syarat, menaikkan premium atau menolak untuk memperbaharui polisi pemegang polisi tertentu atau keseluruhan portfolio Polisi ini

bersama-sama, bergantung kepada pengalaman tuntutan. Walau bagaimanapun, sekiranya keputusan itu dibuat, Syarikat akan memberi notis tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari kepada Pihak Diinsuranskan untuk pertimbangan beliau.

Tertakluk kepada peruntukan polisi ini, Syarikat boleh memberi notis penamatan melalui surat berdaftar kepada Pihak Diinsuranskan di alamat terakhir beliau yang diketahui. Penamatan sedemikian akan berkuat kuasa tiga puluh (30) hari selepas tarikh notis tersebut. Dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat oleh Pihak Diinsuranskan pada tahun polisi semasa, Pihak Diinsuranskan adalah berhak mendapat bayaran balik pro-rata premium.

3.3 Penamatan Automatik

Polisi ini dianggap terbatal apabila berlaku kejadian berikut, yang mana lebih awal:

3.3.1 Serta-merta apabila Pihak Diinsuranskan mencapai umur 70 tahun,

3.3.2 manfaat penuh 100% amaun jumlah prinsipal diinsuranskan sebagaimana dinyatakan di dalam jadual manfaat telah dibayar.

3.4 Kedudukan Premium Selepas Penamatan

Jika premium telah dibayar bagi mana-mana tempoh selepas tarikh penamatan Polisi ini, bahagian yang berkenaan akan dibayar balik kepada Pihak Diinsuranskan oleh Syarikat. Sekiranya premium tidak dibayar bagi mana-mana tempoh sehingga tarikh penamatan, Pihak Diinsuranskan bertanggungjawab untuk membayar premium tersebut kepada Syarikat, di mana Syarikat boleh, mengikut pilihannya, mengenakan caj kepada Pihak Diinsuranskan atau mana-mana premium tertunggak yang perlu dibayar untuk polisi ini di mana tuntutan telah dibuat, akan ditolak daripada hasil yang perlu dibayar di bawah Polisi ini.

4. Syarat Pengeluaran Portfolio

Syarikat berhak untuk membatalkan portfolio secara keseluruhan jika ia memutuskan untuk menghentikan pengunderaitan produk insurans ini. Pembatalan portfolio secara keseluruhan mestilah dimaklumkan melalui notis bertulis kepada pemegang polisi dan Syarikat akan menghentikan semua polisi sehingga ke tarikh tamat tempoh perlindungan dalam portfolio. Bagaimanapun, sekiranya keputusan tersebut dibuat, Syarikat akan memberi notis sekurang-kurangnya 30 hari kepada Pihak Diinsuranskan untuk pertimbangan beliau.

5. Premium

5.1 Premium Perlu Dibayar

Premium perlu dibayar setiap tahun.

5.2 Pengembalian Semula

Polisi boleh dikembalikan semula mengikut budi bicara Syarikat, tertakluk kepada:-

5.2.1 permohonan bertulis oleh Pihak Diinsuranskan, dan

5.2.2 bukti boleh insurans yang memuaskan Syarikat, dan

5.2.3 bayaran jumlah premium tertunggak, jika ada.

5.3 Semakan Premium oleh Syarikat

Premium perlu bayar boleh disemak oleh Syarikat, bergantung kepada pengalaman tuntutan. Bagaimanapun, sebarang semakan premium akan digunakan ke atas keseluruhan portfolio dan tidak terhad kepada mana-mana individu tertentu, dan akan berkuat kuasa dari tarikh pembaharuan pada ulang tahun polisi serta merta selepas premium baharu diperkenalkan. Syarikat akan memberi notis bertulis satu bulan kepada Pihak Diinsuranskan untuk pertimbangan sebelum sebarang perubahan premium dibuat.

6. Pembayaran Manfaat

Manfaat dibayar di bawah Polisi ini akan dibayar kepada Pihak Diinsuranskan, dan jika Pihak Diinsuranskan meninggal dunia, manfaat akan dibayar kepada Benefisiari yang dinamakan atau kepada estet beliau sekiranya tiada Benefisiari yang dinamakan, kecuali jika Pihak Diinsuranskan beragama Islam, pembayaran manfaat di bawah Polisi ini akan ditentukan oleh Undang-undang Islam yang berkenaan dan Undang-undang Syariah yang diguna pakai.

7. Tempoh Bertenang

Jika Polisi ini telah dikeluarkan dan atas apa jua sebab Pihak Diinsuranskan memutuskan untuk tidak mengambil Polisi, Pihak Diinsuranskan boleh mengembalikan Polisi kepada Syarikat untuk pembatalan dengan syarat permohonan untuk pembatalan telah diserahkan oleh Pihak Diinsuranskan kepada Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh serahan Polisi. Pihak Diinsuranskan berhak menerima pulangan penuh premium yang telah dibayar ditolak perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh Syarikat untuk mengeluarkan Polisi.

8. Pindaan

Syarikat berhak untuk meminda terma dan peruntukan Polisi ini dengan memberi notis awal 30 hari secara bertulis melalui pos biasa ke alamat terakhir pemegang polisi yang terdapat dalam rekod Syarikat, dan pindaan tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh pembaharuan Polisi seterusnya. Pindaan kepada Polisi ini tidak sah kecuali jika Dibenarkan oleh Syarikat dan kelulusan itu diendorskan kepadanya. Penginsurans dikehendaki memberi notis awal 30 hari secara bertulis kepada pemegang polisi yang dihantar ke alamat terakhir yang direkodkan mengenai sebarang pindaan yang dilakukan.

9. Prosedur Tuntutan

9.1 Kejadian Yang Menyebabkan Tuntutan

9.1.1 Apabila berlaku sebarang kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, notis bertulis perlu diberikan kepada Jabatan Tuntutan Syarikat, Aras 12 West Wing, The ICON, No 1 Jalan 1/68F Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur secepat mungkin, dan dalam apa jua keadaan, dalam masa 30 hari selepas tarikh kejadian. Syarikat kemudian akan memberikan borang kepada Pihak Diinsuranskan untuk memfailkan bukti tuntutan.

9.1.2 Sebarang dokumen atau bukti yang diperlukan oleh Syarikat untuk menyemak tuntutan perlu diserahkan oleh Pihak Diinsuranskan dengan perbelanjaan sendiri. Sebarang pemeriksaan yang diperlukan oleh Syarikat untuk menyemak tuntutan adalah di bawah perbelanjaan Syarikat. Jika berlaku kematian Pihak Diinsuranskan, Syarikat berhak untuk mendapatkan pemeriksaan bedah siasat dengan perbelanjaannya sendiri, selagi ia tidak melanggar undang-undang.

9.1.3. Kegagalan memaklumkan kepada Syarikat dalam tempoh ditetapkan tidak membatalkan tuntutan jika Syarikat berpuashati dan menerima penjelasan bahawa bukti tuntutan tidak dapat diserahkan sewajarnya dalam tempoh yang ditetapkan untuk tuntutan yang sememangnya sah.

9.1.4 RHB Insurance Bhd berhak untuk mendapatkan pendapat perubahan selanjutnya untuk meluluskan tuntutan yang dikemukakan oleh Pihak Diinsuranskan. Kelulusan tuntutan bergantung kepada pengesahan diagnosis oleh Pengamal Perubahan yang dilantik oleh RHB Insurance Berhad. Kos untuk mendapatkan pendapat perubahan selanjutnya akan ditanggung oleh RHB Insurance Berhad.

9.2 Tuntutan Tidak Lengkap

Semua tuntutan mestilah dikemukakan kepada Syarikat dalam masa 30 hari selepas berlaku kejadian yang menyebabkan tuntutan dibuat. Tuntutan tidak dianggap lengkap dan manfaat layak tidak akan dibayar melainkan semua bil-bil tuntutan telah diserahkan dan dipersetujui oleh Syarikat. Hanya kos sebenar yang ditanggung akan dipertimbangkan untuk pembayaran balik. Sebarang perbezaan atau penepian untuk perkara adalah di atas budi bicara Syarikat.

9.3 Matawang Bayaran

Semua bayaran di bawah Polisi ini akan dibuat dalam matawang sah Malaysia. Sekiranya mana-mana bayaran yang diminta oleh Pihak Diinsuranskan dalam matawang lain, maka amaun sedemikian akan dibayar dalam matawang yang diminta sebagaimana ia dibeli di Malaysia pada kadar pasaran matawang semasa pada tarikh penyelesaian tuntutan.

10. Kesilapan Pernyataan Umur

Jika umur Pihak Diinsuranskan telah silap dinyatakan dan premium dibayar telah menjadi tidak mencukupi, sebarang tuntutan yang perlu dibayar di bawah Polisi ini akan dikira secara pro-rata berdasarkan nisbah premium sebenar dibayar kepada premium yang seharusnya dibayar untuk tahun tersebut. Sebarang lebihan premium yang mungkin telah dibayar berdasarkan silap nyata umur tersebut, akan dikembalikan tanpa faedah. Jika berdasarkan umur sebenar Pihak Diinsuranskan tidak layak untuk

mendapatkan perlindungan di bawah Polisi ini, tiada manfaat akan dibayar.

11. Klausula Siber

Polisi ini tidak boleh diguna pakai dan secara spesifik mengecualikan sebarang bentuk kerugian secara langsung atau tidak langsung, yang timbul daripada atau terkandung secara keseluruhan atau sebahagian:

11.1 penggunaan atau salahguna Internet atau kemudahan yang sama;

11.2 mana-mana transmisi elektronik data atau maklumat lain;

11.3 mana-mana virus komputer, cecacing, bom logik, kuda Trojan atau masalah yang seumpamanya;

11.4 penggunaan dan salah guna mana-mana alamat Internet, Laman Web atau kemudahan yang seumpamanya;

11.5 apa-apa data atau maklumat lain yang disampaikan ke dalam Laman Web atau kemudahan yang seumpamanya;

11.6 apa-apa data yang hilang atau rosak dari mana-mana sistem komputer, termasuk dan tidak terhad kepada perkakasan atau perisian.

11.7 berfungsi atau pincangfungsi Internet atau kemudahan seumpamanya, atau mana-mana alamat Internet, Laman Web atau kemudahan seumpamanya;

11.8 mana-mana pelanggaran, sama ada sengaja atau tidak sengaja, ke atas mana-mana harta intelek terpelihara (termasuk tetapi tidak dihadkan kepada tanda dagangan, hakcipta atau paten).

12. Interpretasi

Polisi ini, termasuk borang penyertaan/borang cadangan, Jadual Polisi, pengendorsan dan pindaan, jika ada, hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan mana-mana perkataan atau ekspresi yang mana maksud spesifik telah ditakrifkan akan, kecuali diperlukan sebaliknya oleh konteks, membawa maksud spesifik yang sama di mana sahaja ia tertera.

13. Notis

Setiap notis atau komunikasi kepada Syarikat hendaklah secara bertulis dan dihantar ke Syarikat. Sebarang pindaan terma Polisi ini atau pengendorsan kepadanya, tidak sah kecuali ia ditandatangani atau diparap oleh wakil dibenarkan Syarikat.

14. Prosiding Guaman

Tiada tindakan undang-undang atau ekuiti, boleh dibuat untuk mendapat semula Polisi sebelum luput enam puluh (60) hari selepas bukti tuntutan telah difailkan selaras dengan syarat-syarat Polisi ini. Jika Pihak Diinsuranskan gagal menyerahkan bukti kerugian yang diperlukan seperti yang ditetapkan oleh terma, peruntukan dan syarat Polisi ini, Pihak Diinsuranskan boleh, dalam tempoh ehsan satu tahun kalendar dari masa bukti bertulis mengenai kerugian perlu dilengkapkan, menyerahkan bukti kerugian yang berkaitan kepada Syarikat dengan alasan yang kukuh tentang kegagalan untuk mematuhi terma, peruntukan dan syarat-syarat. Penerimaan bukti kerugian tersebut adalah atas budi bicara mutlak dan sepenuhnya oleh Syarikat. Selepas tempoh ehsan tamat, Syarikat tidak

akan menerima, atas sebarang sebab, bukti bertulis tentang kerugian tersebut.

15. Perubahan dalam Risiko

Pihak Diinsuranskan dikehendaki memberi notis bertulis serta-merta kepada Syarikat mengenai sebarang perubahan ketara dalam pekerjaan, perniagaan, tanggungjawab atau hobi beliau dan membayar sebarang premium tambahan yang mungkin diperlukan oleh Syarikat.

16. Salah Nyataan atau Pengabaian Fakta Material

Jika:

(a) sebarang jawapan, pendedahan atau perwakilan oleh Pihak Diinsuranskan, sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, di dalam atau kepada mana-mana cadangan atau perakuan atau pertanyaan, telah sengaja atau dengan melu dinyatakan dalam sebarang keadaan; atau

(b) sebelum kontrak insurans ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, Pihak Diinsuranskan telah gagal mendedahkan mana-mana fakta yang Pihak Diinsuranskan ketahui akan mempengaruhi keputusan Syarikat sama ada untuk menerima risiko ini atau tidak dan kadar dan terma yang dikenakan; atau

(c) sebarang tuntutan yang dibuat adalah palsu atau ditokok tambah, atau jika mana-mana perakuan atau pernyataan palsu telah dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut. maka dalam mana-mana kes di atas, Polisi ini menjadi tidak sah.

17. Undang-undang Kawal Selia

Polisi ini dikeluarkan di bawah undang-undang Malaysia, dan ia tertakluk kepada dan dikawalselia oleh undang-undang semasa Malaysia. Indemniti yang disediakan oleh Polisi ini tidak diguna pakai berkaitan dengan penghakiman yang tidak pada mulanya disampaikan oleh atau diperolehi daripada Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa di dalam Malaysia atau kepada perintah yang diperolehi dalam Mahkamah tersebut bagi penguatkuasaan penghakiman yang dibuat di luar Malaysia sama ada melalui perjanjian timbal balik atau sebaliknya.

18. Bayaran Sebelum Perlindungan

Adalah menjadi syarat khas asas dan amat penting di dalam kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dijelaskan mestilah dibayar dan diterima oleh Syarikat sebelum perlindungan bermula.

19. Tempoh Perlindungan Dan Pembaharuan

Polisi ini akan berkuat kuasa seperti pada tarikh yang dinyatakan di dalam Jadual. Ulang Tahun Polisi adalah satu tahun selepas tarikh kuat kuasa insurans dan secara tahunan selepas itu. Pada setiap ulang tahun tersebut, Polisi ini diperbaharui pada kadar premium yang berkuat kuasa pada masa tersebut sebagaimana dimaklumkan oleh Syarikat.

Polisi ini boleh diperbaharui mengikut opsyen Syarikat. Permohonan untuk mengubah manfaat kepada pelan lebih tinggi hanya boleh dilakukan semasa pembaharuan dan tertakluk kepada penerimaan Syarikat semasa pembaharuan. Premium Perlu Dibayar akan meningkat mengikut umur, sebagaimana

dinyatakan oleh Julat Umur berkenaan untuk pelan yang dibeli.

20. Pembaharuan

Syarikat tidak berkewajipan untuk memberi notis kepada Pihak Diinsuranskan. Premium untuk pembaharuan Polisi ini dianggap perlu dibayar pada tarikh Polisi ini tamat. Bagaimanapun, Syarikat masih bertanggungjawab selama empat belas (14) hari dari tarikh tamat Polisi ini dengan syarat pada hari terakhir untuk empat belas (14) hari tersebut, premium pembaharuan telah dibayar kecuali jika Syarikat atau Pihak Diinsuranskan telah memberi notis bahawa insurans ini tidak akan diperbaharui. Polisi ini tidak boleh diperbaharui apabila Pihak Diinsuranskan mencapai umur tujuh puluh (70) tahun.

21. Syarat Terdahulu Kepada Liabiliti

Pematuhan dan memenuhi terma-terma, peruntukan dan syarat-syarat Polisi ini oleh Pihak Diinsuranskan setakat yang berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak Diinsuranskan akan menjadi syarat terdahulu kepada sebarang liabiliti Syarikat.

22. Timbang Tara

Semua percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bertelingkah. Jika mereka tidak bersetuju siapa yang menjadi Penimbang Tara dalam masa satu (1) bulan kalendar selepas dikehendaki untuk berbuat demikian secara bertulis, maka kedua-dua pihak boleh melantik seorang Penimbang Tara setiap satu yang akan mendengar pertelingkahan tersebut secara bersama dengan seorang Pengadil yang akan dilantik oleh kedua-dua Penimbang Tara. Bagaimanapun, ia adalah dengan syarat bahawa sebarang penafian oleh Syarikat ke atas mana-mana tuntutan di sini mestilah dirujuk kepada Penimbang Tara dalam masa dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penafian tersebut.

23. Sijil, Maklumat Dan Bukti

Semua sijil, maklumat, laporan perubatan dan bukti yang mungkin diperlukan oleh Syarikat hendaklah diserahkan dengan perbelanjaan Pihak Diinsuranskan, dan dalam bentuk yang mungkin ditetapkan oleh Syarikat. Semua notis yang diperlukan daripada Pihak Diinsuranskan mestilah dibuat secara bertulis dan dialamatkan kepada Syarikat. Pihak Diinsuranskan akan, apabila diminta dan perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat, melakukan pemeriksaan perubatan apabila dianggap perlu.

24. Pembaharuan, Pengubahsuaian dan Penamatan Polisi oleh Syarikat

Syarikat tidak boleh menamatkan Polisi secara sebelah pihak semasa tempoh insurans. Pada tarikh ulang tahun Polisi, Syarikat boleh memperbaharui Polisi pada premium yang sama, membaharui Polisi pada premium tambahan, atau tidak memperbaharui polisi. Jika Syarikat mengekalkan jadual kadar premium yang sama untuk keseluruhan portfolio dan jika tidak terdapat sebarang perubahan kepada risiko yang wujud pada Pihak Diinsuranskan, Syarikat boleh menawarkan untuk memperbaharui Polisi pada premium yang sama.

Pembaharuan juga boleh membawa kepada premium tambahan, sebagai contoh apabila Pihak Diinsuranskan bergerak ke julat umur lain mengikut jadual kadar premium.

Premium pembaharuan yang dibayar tidak dijamin dan Syarikat berhak menyemak semula kadar premium yang diguna pakai pada masa pembaharuan, sebagai contoh kerana kemerosotan dalam pengalaman tuntutan keseluruhan portfolio. Perubahan tersebut, jika ada, hendaklah diguna pakai kepada semua pembaharuan dan Polisi baharu tanpa mengira pengalaman tuntutan individu mereka mengikut penilaian risiko syarikat untuk keseluruhan portfolio. Syarikat akan menyerahkan notis tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari sebelum tarikh ulang tahun Polisi kepada Pihak Diinsuranskan mengenai perubahan tersebut. Syarat-syarat yang mungkin dinyatakan di sini adalah tidak menyeluruh dan kadar premium boleh disemak semula di bawah sebarang keadaan yang wajar.

Semasa pembaharuan, Syarikat berhak untuk menyemak semula dan mengubah suai terma dan syarat Polisi, seperti untuk mengecualikan keadaan atau hilang upaya tertentu yang menimbulkan tuntutan yang dibuat sebelum ini oleh Pihak Diinsuranskan. Pengubahsuaian juga boleh merangkumi penambahan beban premium ke atas Polisi untuk tuntutan sebelumnya yang dibuat oleh Pihak Diinsuranskan, tetapi beban premium tersebut tidak boleh melebihi 50% daripada jumlah premium. Pengubahsuaian juga mungkin diperlukan akibat perubahan dalam pekerjaan atau gaya hidup yang menyebabkan profil risiko Pihak Diinsuranskan turut berubah. Sila ambil perhatian bahawa kebarangkalian keadaan yang mungkin menyebabkan pengubahsuaian yang disenaraikan di atas adalah tidak menyeluruh; keadaan wajar lain juga mungkin menyebabkan pengubahsuaian dibuat kepada terma dan syarat Polisi ini. Sekiranya keputusan tersebut dibuat, Syarikat akan menyerahkan notis tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari sebelum tarikh ulang tahun Polisi kepada Pihak Diinsuranskan dengan menyatakan sebab-sebab pengubahsuaian.

Syarikat berhak menolak pembaharuan Polisi. Sekiranya keputusan tersebut dibuat, sebab-sebab tidak-diperbaharui akan diberikan kepada Pihak Diinsuranskan dan Syarikat akan menyerahkan notis tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari sebelum tarikh ulang tahun Polisi. Sebagai contoh, tidak-diperbaharui mungkin disebabkan oleh perubahan dalam pekerjaan atau gaya hidup yang menyebabkan profil risiko Pihak Diinsuranskan turut berubah. Sila ambil perhatian bahawa kebarangkalian keadaan yang mungkin menyebabkan senarai tidak-diperbaharui di atas adalah tidak menyeluruh; keadaan wajar lain juga mungkin menyebabkan Polisi tidak-diperbaharui. Bagai manapun, Syarikat tidak boleh menolak untuk memperbaharui Polisi hanya disebabkan Pihak Diinsuranskan telah membuat tuntutan pada tahun sebelumnya.

NOTIS KEPADA PEMEGANG POLISI

Sila memeriksa Polisi insurans untuk memastikan ianya memenuhi keperluan **Anda**.

Untuk mengelakkan salah faham, adalah sangat penting Polisi, Jadual dan sebarang pengendorsan disertakan di sini dibaca bersama secara terperinci.

Sekiranya **Anda** mempunyai sebarang aduan atau keraguan berkaitan dengan Polisi **Anda**, sila hubungi ejen **Anda**, sekiranya ada atau berhubung dengan pejabat yang mengeluarkannya. Kami memastikan aduan **Anda** dilayani dengan segera.

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

Sebagai Penanggung Insurans yang bertanggungjawab, **Kami** ingin membawa kepada perhatian **Anda** bahawa **Anda** boleh mengemukakan ketidakpuasan **Anda** kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau Biro Perkhidmatan Pelanggan (CSB) Bank Negara seperti yang ditunjukkan di bawah.

BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT ADUAN

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan mana-mana aspek perkhidmatan **Kami**, **Kami** ingin mendengar daripada **Anda**. **Anda** boleh membuat aduan dalam bentuk apa jua yang paling selesa dengan **Anda** samada melalui panggilan telefon kepada operator **Kami** atau, secara bertulis, fax atau e-mel aduan **Anda** kepada:

Unit Pengendalian Aduan

RHB Insurance Berhad
Aras 12B, West Wing, The Icon
No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak,
55000 Kuala Lumpur
Tel: 1300-220-007
Faks: 03-2163 7277
E-mel : complaints_unit@rhbinsurance.com.my

Kami akan berusaha untuk bertindak balas kepada aduan **Anda** dalam masa empat belas (14) hari. Jika Kami tidak dapat menyelesaikan perkara tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan seandainya rumit, **Anda** akan diberitahu tentang perkembangan yang telah dibuat tentang aduan **Anda** tersebut.

Anda boleh membantu Kami untuk memberi tindak balas secepat mungkin dengan memberi **Kami** maklumat-maklumat berikut:

1. Nama, alamat dan nombor untuk dihubungi
2. No Nota Perlindungan / No. Polisi / No. Tuntutan

Sekiranya setelah mengambil langkah-langkah di atas dan **Anda** masih tidak berpuas hati, **Anda** boleh menulis ke:

Unit Pengurusan Aduan

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)

Tingkat 14, Blok Utama

Menara Takaful Malaysia

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman

50000 Kuala Lumpur

Tel: 03-2272 2811

Faks: 03-2272 1577

E-mel : enquiry@ofs.org.my

Laman Web : www.ofs.org.my

Jika Pengantara membuat keputusan yang tidak menyebelahi Kami, **Anda** diminta untuk memberitahu Pengantara mengenai keputusan **Anda** untuk menerima atau menolak keputusan tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari.

Jika **Anda** tidak menerima keputusan tersebut, **Anda** boleh menolak keputusan Pengantara. **Anda** bebas untuk mengambil tindakan mahkamah ke atas Kami atau merujuk kepada Timbangtara.

Sebagai pilihan, **Anda** boleh menghantar ketidakpuasan hati **Anda** terhadap tindakan Kami secara bertulis kepada Bank Negara Malaysia dengan memberi secara terperinci maklumat aduan **Anda** dan informasi **Polisi Anda** kepada:

BNMTELELINK

Jabatan Komunikasi Korporat

Bank Negara Malaysia

Peti Surat 10922

50929 Kuala Lumpur

Tel: 1300-88-5465 (LINK)

Faks: 03-2174 1515

E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

Laman Web : www.insuranceinfo.com.my

HEAD OFFICE / IBU PEJABAT

Level 12, West Wing, The Icon,

No.1, Jalan 1/68F,

Jalan Tun Razak,

55000 Kuala Lumpur

Tel : 03 - 2180 3000 Fax : 03 - 9281 2729

Website : www.rhbgroup.com/insurance

**CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE /
KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN**

Level 1, Tower Three, RHB Centre,

Jalan Tun Razak,

50400 Kuala Lumpur

Tel : 1300-220-007 Fax : 03 – 2163 7277

Email : rhbi.general@rhbgroup.com

**CALL CENTRE /
PUSAT PANGGILAN**

Claims Inquiries : 03 - 2180 3030